

Putus Hubungan Pakistan Dengan Malaysia

Bersebab Kurang Bijaksana Tengku?

Suatu perkara yang tidak pernah berlaku dalam sejarah *Commonwealth* British ialah apabila Menteri

Luar Pakistan mengumumkan bahawa Pakistan memutuskan perhubungannya dengan Malaysia bersebab daripada ucapan wakil Malaysia di Bangsa-bangsa Bersatu, A. Ramani, seorang peguam yang berasal dari India yang lama bermastautin di Tanah Melayu tetapi hanya baru sahaja dikatakan mengambil kerakyatan Malaysia. Ucapan A. Ramani dipandang sebagai suatu penghinaan kepada adanya negara Pakistan yang ditubuhkan pada tahun 1947 sesudah kerajaan British India dibahagi dua di antara orang-orang Hindu dengan orang-orang Islam. Ucapan itu mungkin tidak sebegitu diambil berat dan boleh meretakkan hubungan di antara kedua negeri itu, jika tidak Tengku Abdul Rahman sebagai ketua negara menjelaskan bahawa kerajaan Malaysia (Tengku) bertanggungjawab kepada ucapan itu dan sendiri enggan memanggil A. Ramani pulang untuk bertanya tanggungjawabnya.

Tengku Abdul Rahman sebagai sifatnya Perdana

Ramani adalah menzahirkan bahawa:

Menteri Malaysia dan Tun Abdul Razak sebagai Timbalan
Perdana Menteri Malaysia sentiasa melaungkan-melaungkan bahawa
di dalam “perkelahian” di antara Pakistan dengan India,
Malaysia berkecuali kerana kedua-kedua negara yang bertelagah itu
adalah sahabat-sahabat Malaysia dan pula sama-sama anggota negara-negara
Commonwealth. Tetapi walau bagaimanapun diberi pengakuan
adalah sangat payah untuk menutup apa yang telah dibuat oleh
A. Ramani di Majlis Bangsa-bangsa Bersatu yang dengan keadaan
dirinya diperanakkan di dalam India tentulah sangat sukar
baginya menjauhkan sentimen kebangsaan asalnya untuk
menegakkan perkecualian Malaysia di dalam soal-soal pertelaghan
di antara Pakistan dengan India. Ini terbukti apabila
ucapan itu tersiar dan disambut oleh wakil India
di Bangsa-bangsa Bersatu, Tuan Chukala, yang mengatakan bahawa suara
wakil Malaysia itu sepatutnya diucapkan oleh wakil
India.

Bagaimanakah hendak manafikan keadaan yang jelas itu?

1. Ia menaruh syak atas sebab-sebab yang mengharuskan
tertubuhnya negara Pakistan iaitu dengan katanya
bahawa pertelingkahan di Rehal Kashmir telah
mulai mengelegak dari peristiwa dalam bulan
Ogos 1947 sebuah negeri tua (empayar
– India P) yang sekian lamanya wujudnya dibelah
dua tak sama rata. Perkataan ini mengandungi
suatu sindiran yang nyata bahawa tertubuhnya
negara Pakistan itulah yang menimbulkan
pertelingkahan Kashmir.

2. Ia telah mencuba manafikan bahkan membangkang
pelaksanaan hak orang Jammu dan Kashmir
bagi menyelenggarakan hal ehwal diri
sendiri sebagaimana yang telah terakam di dalam
Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu tahun
1948-49 iaitu tatkala ia menyatakan bahawa
tiada beralasan dan tidak lazim bagi Majlis
Keselamatan itu membongkar-bongkar keputusan lama daripada

Di dalam ucapannya di Majlis Bangsa-bangsa Bersatu itu, A.

fail-fail peringatan dahulu yang sudah berlapuk.

[maksudnya iaitu ia tidak mengiktiraf keputusan 1948-49 itu kerana dengan kemahuan pemerintah Jammu dan Kashmir (raja) telah memasukkan kawasan Jammu dan Kashmir ke dalam kesatuan kerajaan India iaitu dalam masa raja itu dalam pelarian dan meminta bantuan kepada kerajaan India padahal dalam masa itu Raja Jammu dan Kashmir telah membuat perjanjian dengan kerajaan Pakistan tentang menetapkan ke mana dikehendaki oleh orang-orang Jammu dan Kashmir berdiri].

sebagai suatu perkara yang melanggar aturan diplomat.

Kemudian di dalam mempertahankan kedudukan A. Ramani, Tengku Abdul Rahman yang diketahui sebagai seorang Islam telah menyatakan bahawa hubungan internasional ialah lebih daripada hubungan persaudaraan Islam. Bukan itu sahaja tetapi Tengku menerima tanggungjawab ucapan A. Ramani sebagai ucapan yang dikehendaki oleh kerajaan Malaysia dan sebagai dasar kerajaan Malaysia yang diperintahkan disampaikan oleh wakilnya di Majlis Bangsa-bangsa Bersatu. Kemudian Tengku membabit-babit hubungan antara Pakistan dengan kerajaan China Komunis dan Indonesia bagi mendirikan hujahnya-hujahnya yang seakan-seakan menyebelahi kerajaan India itu.

3. Wakil Malaysia itu telah mencuba mempertanggungjawabkan Pakistan atas kecerobohan India yang terang seterangnya itu dengan mengiktibarkan keputusan Majlis Keselamatan pada 4 dan 6 September 1965 dengan suatu cara seakan-akan dengan tepat menentang dan menolak keterangan muktamad yang dikemukakan oleh wakil Jordan yang bercakap bagi pihak negara-negara yang menganjurkan keputusan itu.

Ringkasnya daripada tiga perkara ini di antara yang besar sekali A. Ramani telah menyatakan bahawa berdirinya negara Pakistan itulah, negara tua yang berasal satu itu, telah berpecah dan kalaularah tidak dengan kerana itu, tidak akan terjadi sesuatu kerana timbulnya soal Kashmir itu apabila berdiri sahaja negara Pakistan pada bulan Ogos 1947.

Ucapan A. Ramani itu pada mulanya telah dibantah oleh kerajaan Pakistan dengan suatu nota yang disampaikan oleh dutanya di Kuala Lumpur yang telah berkali-berkali cuba menjumpai Tengku dan akhirnya menyampaikan nota itu kepada Tun Abdul Razak lalu dituduh oleh Tengku

Ucapan-ucapan Tengku ini sepatutnya tidak diucapkan, kerana sangat sukar bagi seorang yang melihat keadaan yang nyata itu cuba diputar belitkan, seolah-seolah mendirikan benang basah dan seolah-seolah menutup suatu kesalahan yang dilakukan oleh wakilnya yang berketurunan dari India. Orang nampak bahawa di dalam persoalan ini, Tengku dengan jelasnya menutup suatu kesalahan yang dibuat oleh seorang kanan dari M.I.C. dan untuk meraikan M. I.C. itulah barangkali Tengku cuba-cuba memutar keadaan yang sebenarnya sehingga tergamak menyatakan, untuk mempertahankan “kesalahan” wakilnya di Majlis Bangsa-bangsa Bersatu itu dengan mengatakan bahwasanya: **Perkara internasional melebihi dari persaudaraan Islam.**”

Ucapan ini tentulah mungkin dengan tidak menyedari kesan-kesan yang diterima bukan sahaja oleh umat Islam di Malaysia tetapi juga di seluruh dunia Islam yang terang menampak bahawa agama rasmi agama Islam yang diagung-agungkan oleh Malaysia boleh disangka sebagai topeng untuk mengabui mata umat Islam akan hakikat-hakikat yang dikehendaki oleh Islam kerana bagi Mukmin kalau ada yang melebihi, di dalam usahanya selain daripada Islam sudah tentu orang itu telah merosakkan asas-asas Islam yang dibina:

1. Mentauhidkan Allah.

2. Mengikat persaudaraan Islam sama ada

perseorangan, berkampung dan bernegara.

Dilihat dari segi ini, daripada cara Tengku

mempertahankan A. Ramani, sungguhpun dipandang suatu

perkara yang kecil bagi orang yang bukan Islam tetapi

bagi orang yang memegang dasar-dasar Islam yang demikian itu

ialah suatu masalah besar dan tentunya Pakistan memandang

bahawa Malaysia bukan sebagai negara Islam kerana Islam

itu hanya adanya di dalam adat istiadat bersama-bersama orang

Islam sahaja dan Islam itu dijadikan alat-alat politik

untuk menutup mata umat Islam yang menjadi penyokong-penyokong

Tengku itu sendiri sedang hakikat yang sebenarnya tidak

dilaksanakan.

Yang demikian ini bertambah-bertambah lagi bahawa sesudah

ucapan A. Ramani maka ucapan itu disambut oleh

wakil orang India yang mengatakan bahawa sepatutnya ucapan

itu keluar daripada mulut orang India sendiri dan

dengan kegembiraan itulah suatu utusan telah sampai

dari India kerana menyampaikan ucapan terima kasih

kerajaan India kepada kerajaan Malaysia di dalam sokongannya

itu.

Bolehkah ini dikatakan Malaysia berkecuali dan

tidak menyebelahi mana-mana pihak? Kalau sekiranya Tengku

mendiamkan diri dalam soal-soal ini dengan tidak mengeluarkan

kata-kata yang menegakkan benang basah mungkin kerajaan

Pakistan tidak mengambil langkah untuk memutuskan

perhubungan di antaranya dengan Malaysia. Tetapi sesudah

keadaannya bertambah keruh itu Tengku menegakkan pula benang

basahnya dengan mengadakan tuduhan-tuduhan bahawa Pakistan tidak

menyokong Malaysia di dalam Konfrontasi Indonesia bahkan

Pakistan telah bersahabat dengan Komunis China.



Perempuan-perempuan yang terpaksa keluar daripada rumah tangganya kerana pengeboman tentera-tentera India di Kashmir.

Sebab-sebab dan alasan-alasan yang serupa itu adalah

tidak maakul. Pertamanya bahawa tiga buah kerajaan

yang berkenaan, Indonesia, Malaysia dan Pakistan di dalam

perkara Konfrontasi adalah tiga buah **negara Islam**

geografi. Kedudukan Pakistan berikhtiar mendamaikan

pertelagahan di antara Malaysia dengan Indonesia dan

ikhtiar-ikhtiar itu sudah pun dijalankan oleh Pakistan

tetapi sebagaimana usaha lain-lain negara tidak berjaya.

Mengenai hubungan Pakistan dengan Komunis

mengapa Pakistan sahaja yang dituduh sedang negara-negara

Islam yang lain yang berhubung dengan Komunis tidak

dicabar? Penjahah-penjahah Barat jelas membuat ikhtiar dari

satu ke suatu masa menjalankan pengaruh-pengaruhnya ke mana-mana

pihak dan menggunakan tekanan-tekanan supaya takluk kepada

kemahan mereka. Republik Arab Bersatu sesudah

peristiwa Terusan Suez bersahabat dengan Komunis

menegakkan ekonominya dan tidak kurang persuratan-persuratan


Komunis dibawa masuk ke negara itu tetapi adakah negara

itu telah tunduk kepada Komunis dan adakah negara itu

dapat ditundukkan oleh mereka?

Kalau Pakistan bersahabat dan mencari bantuan Komunis China untuk mempertahankan diri daripada bahaya-bahaya yang dihadapinya di dalam persiapan-persiapan India yang bersifat agresif dan melakukan kegiatan-kegiatan yang tidak putusnya-putusnya kepada umat Islam sama ada di Kashmir, dan di India, sedang mereka mendapat bantuan-bantuan dari Amerika dan juga Soviet Rusia adakah menjadikan suatu kesalahan untuk mempertahankan diri kalau Pakistan bersahabat dengan China untuk mendapat bantuan dengan bantuan yang didapatinya dari kuasa Barat dan Amerika?

Di dalam pilihan raya yang baru diadakan di Pakistan jelas bahawa di Pakistan kita tidak mendengar adanya pertubuhan-pertubuhan Komunis mengambil bahagian bersalah dengan Indonesia, bahkan kita dapat maklumat di Pakistan tidak ada parti Komunis atau orang-orang yang serupa dengan Komunis seperti di Malaysia. Adakah dengan kerana itu tuduhan-tuduhan Tengku dengannya menyamakan kedudukan Pakistan dengan Indonesia kerana bersahabat dengan Komunis?



Sebuah daripada kereta kebal-kereta kebal India yang telah dapat ditawan

oleh Pakistan.

Inilah perkara-perkara yang menyakitkan perasaan orang

Islam terhadap telatah Tengku menghadapi hal ehwal Islam dari semasa ke semasa. Tengku melupakan sama sekali bahawa seluruh umat Melayu adalah beragama Islam dan dalam tiap-tiap perkara yang mengenai Islam sepatutnya Tengku sebelum memberi ucapan menoleh ke belakang, memikirkan perasaan umat Islam yang berdiri di belakangnya yang mempunyai jiwa dan perasaan Islam di dalam tubuh mereka yang memandang bahawa tidak ada lebih bagi mereka daripada mendirikan asas yang dua – tauhid dan persaudaraan Islam – yang mewajibkan mereka berjihad bertolong bantu bersama-sama dengan saudaranya-saudaranya umat Islam. Tengku mesti pula memerhatikan keadaan-keadaan di tempat yang sehampir-hampirnya atas kecaman-kecaman yang dilakukan terhadap Islam dan umatnya. Di manakah mereka itu akan bergantung jikalau Tengku sendiri tidak mempunyai keyakinan terhadap kepada tugasnya sebagai seorang Islam yang boleh menyokong dan memberi bantuan kepada umat Islam.

Peristiwa yang telah terjadi sehingga putus perhubungan di antara Pakistan dengan Malaysia adalah menjadi suatu ukuran di mana kedudukan Tengku sekarang ini di dalam ukuran kaca mata umat Islam di seluruh dunia dan di manakah penghargaan terhadap umat Islam Malaysia jika ketuanya sendiri mencuaikan dasar-dasar dan asas-asas Islam dan meruntuhkan asas-asas itu.

Tidak ada erti yang dilaung-laungkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam kalau asas dan dasar Islam yang dibina oleh Rasulullah (S.A.W) tidak dijalani dan diutamakan. Tentunya dunia Islam melihat hal ini dengan jelasnya tentang kesalahan pemimpin-pemimpin politik di Malaysia.

—oo—